



DAING Nasir Ibrahim (tengah) bersama kakitangan UMP pada majlis Anugerah Buku Negara sempena Ekspo Buku Malaysia 2013 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

UMP rangkul pengiktirafan pada Anugerah Buku Negara

KUANTAN 14 Jan. - Buku terbitan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertajuk *Daing Nasir - Universiti: Watak, Budaya dan Citra* mendapat pengiktirafan pada Anugerah Buku Negara 2013 bagi kategori Anugerah Industri Buku Umum Terbaik (Pentadbiran), baru-baru ini.

Anugerah disampaikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah pada Majlis Anugerah Buku Negara 2013 bersempena Ekspo Buku Malaysia 2013 di Kuala Lumpur.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kepercayaan yang diberikan daripada pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan banyak memudahkan usaha penterjemahan dasar kerajaan yang dizahirkan melalui inisiatif strategik oleh pihak pengurusan universiti.

"Begitu juga oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam membolehkan inisiatif strategik ini dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan yang ditunjangi kecekapan dan keberkesanan dalam melahirkan kepercayaan terhadap pelanggan mengenai jenama UMP ini.

"Paling utama, kepercayaan besar keluarga UMP sepanjang perjuangan memberi inspirasi karya ini yang terhasil sempena menyambut sedekad usia UMP pada 16 Februari 2012 lalu," katanya di sini.

Katanya, buku suntingan pensyarah Fakulti Teknologi yang juga Ketua Penyelidik, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu menekankan aspek menekuni semangat universiti berfokus, diikuti dengan bahagian keduanya membangunkan universiti bagi keunggulan lestari.

"Selain itu, buku ini juga mendedahkan mengenai budaya prestasi tinggi ke arah universiti pilihan utama dengan memberi tumpuan terhadap transformasi, migrasi dan penajajaran.

"Bahagian keempat adalah inovasi berdisiplin sepanjang migrasi yang membolehkan budaya kecemerlangan itu direka dengan acuannya sendiri mengikut kepakaran dan gaya kepimpinan bagi membina reputasi dan prestij sesebuah universiti itu," tambah beliau.

Jelasnya, kejayaan ini diharap dapat memberi suntikan semangat dalam kalangan warga universiti dan pendidik untuk berkongsi idea dan kepakaran untuk masyarakat sejagat demi kecemerlangan sesebuah organisasi.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd. Ghani Awang berkata, sejak September 2007 hingga kini, UMP berjaya menerbitkan sebanyak 169 karya ilmiah pelbagai kategori dan sambutan diberi amat menggalakkan apabila jumlahnya meningkat pada setiap tahun.